

- C** Tulis semula petikan di bawah dalam buku latihan dengan membetulkan kesalahan ejaan, tanda baca dan penggunaan imbuhan.

Zara mengikut ibunya membeli kasut sekolah di sebuah kedai kasut. Zara hendak membeli kasut kanvas yang lebih selesa pakai. Namun, kasut kanvas itu mudah basah apabila terkena air hujan.

Jurujual kedai kasut itu mencadangkan kepada ibu Zara agar membeli penyembur kalis air. Penyembur kalis air itu dapat melindungi kasut daripada basah ketika hujan.

Jurujual itu menerangkan cara menggunakan penyembur kalis air kepada Zara dan ibunya.

Pertama sekali, kita perlu bergoncangkan penyembur kalis air ini. Kemudian, semburkan penyembur kalis air ini kepada kasut dengan jarak semburan kira-kira 15 cm. Selepas itu, biarkan kasut itu di bawah pancaran matahari selama sepuluh minit. Untuk mendapatkan hasil yang lebih baik, ulangi semboran ini bagi lapisan kedua" ujar jurujual itu kepada Zara dan ibunya.